

Konsep Kendiri Antara Kumpulan Minoriti Dan Dominan

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Menurut Ting (1987), kumpulan minoriti boleh ditafsir sebagai sebarang kumpulan yang menganggap diri dan/atau dianggap oleh kumpulan dominan sebagai unik atas sebab ciri-ciri fizikal, kebudayaan, ekonomi dan tingkah laku. Mereka biasanya dipandang rendah, ditindas, mengalami diskriminasi dan sikap prejudis oleh kumpulan dominan. Dengan kata lain, ciri-ciri bagi kumpulan minoriti ini ialah kedudukan mereka yang inferior atau subordinat, sifat-sifat fizikal dan budaya yang berbeza, kesedaran tentang kedudukan inferiornya, keanggotaan bukan secara 'sukarela' (akibat keturunan) dan mengamalkan endogami (perkahwinan sesama mereka).

Definisi bagi kumpulan dominan/majoriti mengikut Azizi *et.al* (2005) pula antaranya ialah mempunyai tanggapan bahawa mereka adalah superior terhadap kumpulan minoriti, percaya bahawa kumpulan minoriti memang semula jadi berbeza dan terasing serta percaya bahawa mereka mempunyai hak untuk menuntut keistimewaan, kuasa dan kedudukan.

Menurut Burns (1979), terdapat pandangan yang kukuh, khususnya di Amerika Syarikat bahawa estimasi sendiri (*self-esteem*) orang kulit hitam (kumpulan minoriti) adalah lebih rendah daripada orang kulit putih (kumpulan dominan). Pakar sains sosial mengandaikan sejarah perhambaan, proses pengasingan, kemiskinan, sikap prejudis dan diskriminasi yang dilakukan oleh kumpulan dominan kepada kumpulan minoriti inilah yang menyebabkan pembentukan konsep kendiri yang negatif di kalangan kanak-kanak kulit hitam.

Bagaimanapun menurut Burns (1979), kajian-kajian eksperimen mendapati orang kulit hitam ini bukan sahaja memiliki konsep kendiri yang positif malah memiliki estimasi kendiri yang setanding atau lebih tinggi jika dibandingkan dengan orang kulit putih. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, kesimpulan umum yang dapat dibuat adalah individu daripada kelompok kaum minoriti tidak semestinya mempunyai estimasi kendiri yang rendah akibat status ras/etnik mereka.